



ahun 2. No. 7

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

15 May, 1957.

(KELUARAN 15 MAY DISATUKAN DENGAN 1 JUNE)

* UPACHARA PEMBUKAAN RASMI PADANG KAPAL TERBANG BRUNEI

DULI YANG MAHA MULIA MAULANA SULTAN, Sir Omar Ali Saifuddin telah menyempurnakan upacara pembukaan rasmi Padang Kapal Terbang Brunei di Berakas dan Bangunan Padang Kapal Terbang yang baharu sahaja selesai dibinakan pada hari Rabu 8 May, 1957 dengan disaksikan oleh ramai bilangan ahli2 jemputan khas dari luar negeri, Pegawai2 Tinggi Kerajaan, Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri, Pembesar2 dari berbagai bangsa, dan lain2nya.

Diantara ahli2 jemputan khas yang menghadziri upacara pembukaan rasmi Padang Kapal Terbang itu dan bangunannya yang baharu, termasuklah Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Negeri Brunei, Sir Anthony Abell Tuan Yang Terutama Pegawai Yang Mentadbirkan Kerajaan Borneo Utara, Mr. Noel Turner; dan Panglima Agong Angkatan Tentera Udara Di-Raja Timor Jauh, Air Marshall Sir Francis Fressanges.

Dari samanjak awal pagi hari tersebut, para hadzirin telah berkumpul diluar bangunan Padang Kapal Terbang itu dan berbetulan pada pukul 11.10 minit Tuan British Resident, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert tiba dan disambut oleh Pengarah Penerbangan Awam Brunei, Mr. R.H. Morris. Lima minit kemudian, Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi, Sir Anthony Abell tiba dengan diiringi oleh Panglima Agong Angkatan Tentera Laut Di-Raja Timor Jauh dan lain2nya. Mereka telah disambut oleh Tuan British Resident dan oleh P ngarah Penerbangan Awam.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan telah tiba pada pukul 11.20 pagi, ditemui oleh Tuan British Resident dan Pengarah Penerbangan Awam. Kemudian Baginda pun memereksai Barisan Kehormatan Police Brunei dibawah pimpinan O.C.P.D. Inspektor Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Assistant Superintendent of Police; dengan diiringi oleh Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi dan Tuan British Resident.

Sayugia disebutkan bahawa selain daripada berbaris dengan chukup chergas, Pasokan Police itu juga pada kali yang pertama telah memakai pakaian-samanya yang baharu, iaitu seluar hitam dan baju puteh yang digunakan oleh mereka pada masa menghadziri istiadat2.

Pada masa memberi ucapan diupachara tersebut, Duli Yang Maha Mulia berkata bahawa dengan perasaan yang amat sukachita Baginda berangkat ka tempat itu pada hari tersebut kerana menjalankan tugas yang termam'lom.

Dalam ucapannya Baginda menegaskan bahawa dari semenjak lebeh kurang dua tahun satengah yang lampau, iaitu pada masa Baginda membuka bahagian pertama Padang Kapal Terbang itu hingga ka masa ini, banyak pekerjaan2 telah dibuat, Padang Kapal Terbang turun dan naik telah diperluaskan melalui paya hingga ka Sungei Kedayan. Padang itu telah diperluaskan serta dikukuhkan dan sekarang ini bolehlah kapal terbang berat yang berjentera empat turun dilapangan terbang itu dengan chukup selamat.

Ketika Baginda mulai ...

Ketika Baginda mulai membuka bahagian pertama Padang Kapal Terbang itu kapal terbang Feeder kepunya'an Malayan Airways telah turun pada julong2 kali dan penompang yang pertama kali telah melalui menerusi bangunan tempat perhentian kajang yang sementara.

Pada hari yang bersejarah itu pula, kata Baginda, pada julong2 kali kapal terbang jenis "Valetta" dari Tentera Udara di-Raja, ber-jentera empat, telah turun di-lapangan terbang ini dengan chukup selamat dan sudah patut-lah terbang ini membawa sa-orang ahli penerbangan yang chukup terkenal sebagai Air Marshal Sir Francis Fressanges, siapa dengan ikhsan-nya telah dapat menunjukkan penerbangan kapal2 terbang jenis "Venom" dari Pasokkan Tentera Udara di-Raja kepada orang2 ramai.

Selanjut-nya Baginda berkata, "Hari ini saya suka menyampaikan ucapan terima kaseh kepada semua orang yang telah menolong dalam pembinaan lapangan terbang ini, kepada juru-tera2 yang mereka-nya; kepada ahli2 tiktik yang mengelolakan pekerja'an ini dan kepada beratus2 orang yang ikut bersama mengambil bahagian dalam pekerja'an membina yang lengkap-nya; kepada pemandu2 bulldozer, pemandu2 lorry dan kepada orang2 yang hanya bekerja dengan changkul.

"Pekerja'an2 tuan2 itu telah memberi Brunei sesuatu yang sangat berkekalan harga-nya dan tuan2 telah menunjukkan bahawa kerjasama di antara orang2 dari segala bangsa yang mana kita sangat banggakan di-Brunei Darul Salam ini."

Kemudian sebelum menggunting tali yang di-regangkan di-pintu masuk ka-bangunan baharu Padang Kapal Terbang itu. Baginda berkata dengan bersemangat "Mudah2an semua orang yang melalui pintu ini dan menggunakan perjalanan lapangan terbang ini akan selamat dan mudah2-an Tohan akan memelihara dan melindungi mereka itu dari semua marabahaya. AMIN".

Apabila istiadat tersebut telah selesai di-langsungkan, Baginda serta ahli2 jemputan pun masuk ka-bangunan itu; dan selepas itu, Baginda dengan di-iringi oleh Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi; Yang Berhormat Tuan British Resident; Penglima Agong Tentera Udara di-Raja Timor Jauh dan beberapa orang lagi telah menaiki ka-menara Padang Kapal Terbang itu sambil kapal2 terbang dari dari pasokkan2 Tentera Udara di Raja mengadakan pertunjukan penerbangan dengan mendapat kepujian yang tinggi dari kesemua orang yang telah menyaksikan pertunjukan sademikian yang telah di-tunjukkan pada kali yang pertama di-negeri ini.

Upacara tersebut di-tamatkan dengan bacaan Do'a Selamat oleh Kadzi Besar Negeri Brunei, Yang Pengeran Haji Mohammad Salleh.

Sasudah di-langsungkan upacara pembuka'an resmi Padang Kapal Terbang dan Bangunan Baharu Padang Kapal Terbang itu, beratus2 orang dari berbagai2 bangsa telah menyaksikan pertunjukkan gambar2 di-bangunan itu.

Pertunjukkan itu bertajuk "Lima puluh Tahun Hal Ehwal Penerbangan" di-tunjukkan kepada orang ramai selama seminggu sejak hari yang bersejarah itu. Segala gambar yang di-tunjukkan itu mengandungi 100 keping, yang telah di-beri pinjam kepada kerajaan Brunei oleh lembaga British Council, di-Kuching, Sarawak.

MASHUARAT AGONG PERSEKUTUAN GURU2 MELAYU BRUNEI:

"BERKERAJA'AN SENDIRI DENGAN TIDAK LENGKAP ADA-LAH MUSTAHIL"

KATA YANG BERTAMBAH HORMAT TUAN BRITISH RESIDENT

Yang Bertamabah Hormat Tuan British Resident Brunei, Mr J.O. Gilbert

telah membuka

telah membuka dengan rasminya Majlis Mashuarat Agong Ulangan Tahun yang ka 10, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang telah dilangsungkan di Dewan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemal-ul-Alam, Pekan Brunei pada hari Sabtu 4 haribulan May yang lalu.

Dalam ucapannya, Tuan British Resident berkata bahawa neschayahlah para hadirin diMajlis itu sadar bahawa Negeri Brunei sedang menem-poh zaman kesulitan mengenai perkembangannya.

"Beberapa tahun dahulu" katanya "Brunei hanya berpuas hati dengan pemerintahannya, tetapi sekarang masa sudah berubah, dan yang aneh sekali ialah dimana2 negeri apabila sahaja bergerak kepada kemajuan, maka negeri itu berchadang untuk mencapai kebebasan dan kemerdekaan dari pengaruh dari luar negeri.

"Memang benar bahawa harus tiap-tiap negeri itu mendapat pemerintahan sendiri dan inilah menjadi satu2nya tujuan bagi kerajaan British untuk memberi Negeri yang ditaklokinya itu supaya berkerajaan sendiri apabila didapati layak kelak. Juga Kerajaan British berharap apabila negeri2 yang ditaklokinya itu mendapat berkerajaan sendiri, maka hendaklah negeri itu TETAP menjadi keluarga Kerajaan British dibawah lengkongan Commonwealth. Tetapi ada satu A M A R A N, dan amaran ini telah achap kali di-ingati oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan:

"Bahawasanya, bagi mencapai pemerintahan sendiri maka hendaklah dijalankan dengan chara beransur2, ya'ini dari selangkah demi kaselangkah dan sekiranya kita ohu-ba hendak mencapai dengan serta merta, maka neschaya akan tertinggal satu atau dua langkah, dan kita akan merasa hampa dibelakang hari kerana langkah itu, ialah langkah latehan".

Selanjutnya Yang Berhormat Tuan British Resident menegaskan bahawa beliau perchaya kebanyakan diantara para hadirin diMajlis tersebut telah memikirkan perkara yang disebutkan itu dengan amat teliti tidak berfikir bahawa pemerintahan sendiri itu akan terchapai pada tahun hadapan, atau pada tahun berikut, atau pun beberapa tahun lagi.

Katanya lagi bahawa dengan sepintas lalu, kita belum lagi ada pasokan keamanan yang chukop, sebakiknya kita terpaksa meminjam pegawai2 dan ahli2nya dari luar. Bertambah2 pula, kita belum ada mempunya'i doctor2, juru2tera, dan lain2, maka dengan keadaan yang demikian, beliau yakin bahawa berkerajaan sendiri dengan tidak lengkap, adalah mustahil.

Seterusnya beliau menyatakan bahawa "Mundor majunya Negeri ini adalah dalam tangan tuan2 dan saya berharap Che'gu2 hendaklah sadar dan bersedia menerima bebanan yang berat dengan hati yang ikhlas. Saya dapat memberi beberapa chontoh yang patut tuan2 bersama boleh memikirkannya. Satu daripadanya yang dapat saya dengan serta merta memikir, ialah Pasokan Police Brunei. Maka terpulanglah kepada tuan2 untuk memberi penjelasan yang berasas bahawa ada harapan dalam jawatan Police, dan dengan memasoki jabatan ini, berma'nalah mereka berkhidmat dan bertanggung jawab kepada Negeri ini. Menjadi saorang mata2 dimana2 negeri adalah artinya berkhidmat kepada ramai dan sangat2 dihormati oleh rakyat negerinya.

"Saya juga memberi amaran tentang mengeluarkan banyak budak2 lepasan sekolah yang berkehendakkan berseh. Pada masa ini kebanyakan budak lepasan dari sekolah, semua hendak menjadi kerani atau lain2 jawatan di Pejabat. Tetapi lunas bagi tiap-tiap negeri itu ialah berchuchok tanam, dan saya, dengan ikhlasnya berharap samoga dapat tuan2 menyemaikan perasaan ini didalam hati mereka bagaimana perlunya mereka bersahabat dengan bumi dan dengan pertolongan mereka dapatlah diadakan berchuchok tanam dalam negeri. Tuan2 semua berkehendakkan barang2 makanan dan tidaklah boleh hanya semata2 bergantung dengan wang untuk membelinya barang2 makan yang datang dari luar negeri".

Ketika menamatkan ucapannya Tuan British Resident berkata bahawa sesuatu negeri itu ...

sesuatu negeri itu tidak akan menjadi maju jika tidak dengan hasil ber-chu hok tanamnya.

Che'gu Noordin, Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei telah memimpin Majlis Mashuarat Agong Persekutuan Guru2 Melayu tersebut. Pegawai2 yang telah dilantek dalam Majlis itu adalah saperti berikut:

Yang Di-Pertua Agong - Che'gu Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud (dilantek semula); Setia Usaha Agong - Che'gu Md. Hussain bin Mohamed Yusuf (dilantek semula); Penyimpan Wang - Che'gu Md. Daud bin Serudin.

Oleh kerana masa sangat sentok, Majlis itu telah memberi kuasa penoh kepada Pegawai2 tersebut untuk melantek lain-lain Ahli Jawatan Kuasa Persekutuan itu.

Pegawai Pelajaran Negeri, Mr. H.J. Padmore telah menutup Majlis itu dan sakelian telah bersurai selepas Che'gu Ja'afar membaca Do'a Selamat. Kemudian sakelian guru2 yang hadir diPersidangan itu telah berangkat ka Istana Darul Hana untuk mengucapkan Selamat Berhari Raya kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan.

SAMBUTAN HARI RAYA DI BANDAR BRUNEI

"HIKMAT DAN RAHASIA PUASA BUKAN SAHAJA MENGANDONG KESUCHIAN BATIN DALAM JIWA UMAT ISLAM TETAPI JUGA BERGUNA BAGI HIDUP KITA DALAM MASHARAKA T" - DYMM SULTAN

Umat Islam diBrunei telah menyambut Hari Raya 'Idil Fitri pada hari Khamis 2 May yang lalu dengan mengadakan berbagai2 upacara sambutan.

Sambutan Hari Raya itu diBandar Brunei telah dimulai dengan mengadakan upacara Sembahayang Raya pada pagi hari itu diPadang Pekan Brunei dengan dihadziri oleh lebih kurang 3,000 orang Islam,

Sebagaimana pada tahun yang lalu, maka pada tahun ini juga Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan telah berangkat Sembahayang Raya bersama rakyat jelata serta membaca Khotbah. Diantara yang hadir diupacara Sembahayang Raya itu, termasuklah Wazir Yang Pertama Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara; Wazir Yang Kedua, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera; Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed Salleh, Kadzi Besar Negeri Brunei; Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri dan lain-lainnya.

Dalam Khotbah Baginda yang panjang dan menarek hati, Baginda menegaskan bahawa Hari Raya 'Idil Fitri adalah hari yang umat Islam bershukor dan redza kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Mudah2an, kata Baginda, Tuhan akan menchurahkan rahmat atas mereka yang telah bershukor dan redza kepada Allah, dan juga mudah2an setelah umat Islam menjalankan ibadat yang mengandong latehan dan pendidekan diri peribadi itu, timbullah umat Islam sebagai kaum yang menang didalam perjuangan - laksana Tentera yang menang kerana perang dengan mengibarkan bendera jaya, dan memang itulah kemenangan yang gemilang.

Selanjutnya Baginda berkata bahawa falsafah ajaran Islam mendidik kita bahawa pahlawan yang sejati itulah orang yang sanggup mengalahkan nafsunya. Nafsu ma'nusia adalah berpengaruh segala persangkitan diDunia yang berlaku dari zaman ka zaman adalah akibat kerana hawa nafsu telah menguasai akal dan fikiran, nafsu telah membalut budi dan rohani dan kemanusiaan telah meniarap sujud dihadapan "MAHARAJA NAFSU" yang tidak mengenal batas dan atoran.

Mengingati akan hal yang demikian, kata Baginda, maka sangatlah utamanya ibadat puasa itu kita sempurnakan sebagai bukti keredza'an umat Islam kepada Allah ...

Islam kepada Allah. Hikmat dan rahasia puasa bukan sahaja mengandungi kesucian batin dalam jiwa umat Islam, tetapi juga berguna bagi hidup kita dalam masyarakat. Ia menerbitkan rasa muhibbah dan chinta kaseh sayang kepada sasama ma'nusia membangunkan timbok dan tiang persaudaraan dan persamaan, dasar pembinaan masyarakat kita.

Tatkala bertitah mengenai hal ehwal pergaulan hidup dikalangan masyarakat, Duli Yang Maha Mulia menyatakan bahawa tentulah boleh umat Islam menentukan tempat masing2 didalam pergaulan hidup: Ada yang termasuk dalam golongan 'Alim Ulama' - ada yang termasuk dalam bilangan ahli perniagaan menchari radzki yang halal; ada yang termasuk dalam golongan Pemimpin dan menjadi Ketua yang bertanggung jawab - ada pula yang termasuk dalam golongan kaum pekerja dan lain2. Untuk menyelideki pakaian batin kita masing2 dalam kita bersama2 merayakan Hari Raya yang mulia ini, kata Baginda lagi, ada baik kita kaji batin kita barangkali ada yang patut ditukar dan diperbaharu'i.

"Kalau kita berada didalam golongan 'Alim Ulama' dan 'arifin bijaksana, maka hendaklah kita ketahui bahawa saorang yang mempunya'i ilmu itu mempunya'i perkakas dan alat yang cukup untuk menimbulkan kesilapan, kebodohan, keruntohan Iman dan ditangan mereka-itu juga ada perkakas untuk menyesatkan dan menjahnamkan", kata Baginda. "Maka dengan sebab itu, marilah kita umat Islam mengenakan pakaian batin dan sidik, benar dan lurus. Kalau kita mengerjakan ibadat, kenalah pakaian ikhlas supaya mendapat keredza'an Allah. Mudah2an ibadat kita tidak sia-sia".

Saterusnya, Baginda menasehatkan "Kalau umat Islam berada didalam golongan ahli perniagaan, pakailah pakaian amanah yang lebeh kekal dan manafa'at. Sakiranya kalau kita berada didalam lengkongan yang memegang teraju pemerentahan dan bertanggung jawab, maka pakailah pakaian 'adil dan bijaksana yang maha indah. Bila kita berada dikalangan kaum pekerja kenakanlah pakaian yang patut dan tundok kepada peratoran2. Mudah2an, dengan adanya satriap peringkat membaharu'i dan meredza'i kepada Allah Ta'ala, kita akan hidup didalam aman yang tetap dan bershukor atas nikmat Allah hingga berganda2lah rahmat Tuhan disisi kita".

Demikianlah diantara Khotbah Hari Raya 'Idil Fitri yang telah dilafadzkan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin selepas selesai dilangsungkan upacara Sembahayang Raya di-Padang Pekan Brunei pada pagi hari Khamis 2 haribulan May yang lalu.

TEMASHA HARI RAYA DI BRUNEI SPORTS CLUB

Ahli2 Muslimin Brunei Sports Club telah mengadakan satu temasha Kanak2 kerana menyambut Hari Raya 'Idil Fitri dirumah Persekutuan itu pada petang hari Juma'at 3 May yang lalu dan pada malam hari itu juga mereka telah mengadakan temasha untuk orang2 dewasa.

Ramai kanak2 lelaki dan perempuan dari berbagai2 bangsa telah menghadziri upacara sambutan temasha untuk mereka. Sakeliannya telah ditunjokkan wayang gambar dan dijamukan dengan kueh2 dan minuman. Selain dari itu, mereka juga telah diberi hadiah Chenderamata Hari Raya.

Orang2 dewasa pula telah mengambil bahagian dalam berbagai2 jenis peraduan tari menari, dalam mana hadiah2 telah diberi kepada pehak yang berjaya. Satay dan lain2 jamuan telah diperidarkan kepada para hadzirin ditemasha itu dan sakeliannya telah bersuka ria serta berpisah dari Brunei Sports Club pada lewat malam itu.

HADIAH2 HARI RAYA KAPADA ORANG2 SALAH DAN ORANG2 SAKIT

Beberapa orang Pegawai dan Ahli2 Persatuan Kesatuan Islam Brunei telah melawat ka ...

Penjara Jerudong dan ka Rumah Sakit Kerajaan di Bandar Brunei pada hari Thalatha 30 April dan pada 1 May yang lalu untuk menyampaikan hadiah2 kueh dan minuman Hari Raya kepada orang2 salah dan orang2 sakit itu.

Pemberian tersebut telah dijalankan pada julong2 kali dalam sejarah Negeri ini oleh Badan Ugama tersebut, dan diperolehi dari Pegawai2 serta ahli2 Persatuan Kesatuan Islam serta juga dari orang2 ramai.

PERSEMBAHAN "PANCHARAN SERI" DARI AWAT-AWAT

KAPADA DYMM SULTAN

"Pancharan Seri", demikianlah nama sabuah perahu lumba dari Awat-Awat yang panjangnya lebeh kurang 80 kaki, telah tiba di Brunei pada hari Juma'at 10 May yang lalu. Perahu yang chantek itu ialah sebagai "Persembahan Setia" dari penduduk2 Awat-Awat kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan Brunei.

Seramai 168 orang lelaki dan perempuan dari Awat-Awat telah membawa Pancharan Seri itu ka sini dan telah disembahkan oleh Ketua mereka Inche' Osman dan Pengeran Rendah kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan di Jetty Darul Hana. Para pelawat itu telah menziarahi Duli Yang Maha Mulia dan telah dijamukan dengan kueh2 Hari Raya.

Samentara itu, menurut kapada satu puncha yang sah dari Istana Darul Hana, lebeh daripada 8,000 orang lelaki dan perempuan dari berbagai2 bangsa telah menziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan di Istana Darul Hana kerana menguchapkan Selamat Berhari Raya kapada Baginda. Jika dibandingkan dengan tahun yang lalu, seramai lebeh kurang 6,000 orang telah menziarahi Duli Yang Maha Mulia pada masa Hari Raya 'Idil Fitri.

PENUBOHAN JULONG2 BADAN KEBUDAYA'AN MELAYU BRUNEI DISEMPURNAKAN

Satu perhimpunan yang ramai diantara para penchinta kebudayaan Melayu telah dilangsungkan di Dewan Pejabat Penerangan Kerajaan di Bandar Brunei pada hari Ahad 5 May yang lalu, dipengurusikan oleh Pengiran Metusin bin Pengiran Haji Lampoh.

Sesudah beberapa orang memberi fikiran mereka mengenai penubohan Badan Kebudayaan Melayu itu yang telah ditubuhkan pada julong2 kali dalam Negeri ini, para hadirin dengan suara ramai telah bersetujui menubuhkan Badan Kebudayaan tersebut dan dinamakannya "IKATAN BUDAYA MELAYU BRUNEI".

Jawatan Kuasa Penaja yang telah dilantek di Majlis itu untuk merangkakan Rang Undang2 dan sebagainya ialah saperti berikut:

Pengurus - Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf A.R., Setia Usaha Inche' Zaini bin Haji Ahmad. Ahli2 Jawatan Kuasa - Che'gu Mohamed Sum bin Hashim, Inche' Mohamed Ali Tamin, Awang Tahir bin Awang Omar, Che'gu Ibrahim bin Mohamed Sa'id, Inche' Zain Ariff, Inche' Mayalin bin Randah, dan Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh.

Jawatan Kuasa Penaja, Ikatan Budaya Melayu Brunei itu telah pun mengadakan Mashuaratnya yang pertama bertempat di rumah Pengurusinya Yang Berhormat Pengiran Mohamad Yusuf, dan Mashuaratnya yang kedua di rumah Setia Usahnya Inche' Zaini. Jawatan Kuasa itu telah berhasil merangkakan Rang Undang2 Ikatan Budaya Melayu (nama rengkasnya "IBU MELAYU") Brunei, dan akan menyampaikan Rang Undang2 itu kapada Pendaftar Pertubohan2 untuk pendaftaran IBU MELAYU Brunei.

DASAR KERAJA'AN MENGENAI HAL EHWAL PELAJARAN

Menurut kapada satu Kenyata'an Rasmi dari Pegawai Pelajaran Negeri, Mr. H.J. Padmore,.....

Mr H.J. Padmore bahawa Dasar Keraja'an di-bawah Ranchangan Perkembangan mengenai hal ehwal pelajaran sabagai mana yang telah di-jalankan samanjak beberapa tahun yang lalu, ia-lah menghantarkan penuntut2 yang di-lahirkan di-Brunei untuk melanjutkan pelajaran dan latehan di-luar negeri, dengan sharat mereka itu telah pun lulus darjah pelajaran yang di-kehandaki, dan juga oleh kerana kemudahan2 pelajaran untuk mendapat latehan yang khas dan pelajaran yang lebeh tinggi daripada darjah pelajaran yang ada di-Negeri ini belum-lah lagi dapat di-perolehi.

Pada masa ini sudah pun pehak Keraja'an mengeluarkan sajumlah 70 pelajaran2 perchuma ka-luar negeri, saperti berikut: United Kingdom - 24 orang, megnandungi 4 orang di-Sekolah Milfield; Latehan Guru2 Brunei - 4 orang; University dan College - 4 orang; dan Maktab Latehan Guru2 di-Kirkby, ia-itu guru2 dari Malaya ka-Brunei saramai 12 orang.

Benua Australia - 4 orang; Singapura - 18 orang, Pelajaran menengah - 3 dan Pelajaran Ugama - 15 orang; Persekutuan Tanah Melayu - 11 orang, ia-itu Pelajaran Ugama 6 orang dan di-Sultan Idris Training College Tanjong Malim 3 orang; dan Pusat Latehan Guru2 di-Melaka 2 orang; 12 orang guru2 di-Kent College Jesselton; dan sa-orang di-Kuching.

Selain daripada pelajaran perchuma yang di-ma'lumkan itu, Sharikat Minyak Brunei Shell Petroleum Company Limited telah memberi hadiah 22 pelajaran perchuma untuk memberi peluang kapada penuntut2 yang di-lahirkan di-Negeri ini melanjutkan pelajaran mereka hingga meningkat ka-darjah sembilan di-Sekolah Menengah Bahasa inggeris.

Selanjut-nya Pegawai Pelajaran Negeri mema'lumkan bahawa pehak yang berkuasa berharap samuga jumlah pelajaran perchuma kapada penuntut yang di-lahirkan di-Brunei akan bertambah lagi sasudah penuntut2 itu lulus dalam peperiksa'an Darjah Sembilan (ya'ni Cambridge School Certificate) di-Sekolah Inggeris.

Pada bulan December ini, kata-nya, lebeh kurang 10 orang penuntut2 akan memasoki peperiksa'an Darjah Sembilan yang akan di-langsungkan pada julong2 kali di-Negeri ini.

Samentara itu, penyiasatan2 sedang di-jalankan oleh Keraja'an Brunei dengan Keraja'an Persekutuan Tanah Melayu bagi menghantarkan 12 orang penuntut darjah di-Sekolah Melayu di-Negeri ini untuk melanjutkan pelajaran dalam Bahasa Melayu di-Persekutuan Tanah Melayu.

Pegawai Pelajaran menegaskan lagi bahawa perundingan2 juga sedang di-jalankan bagi menambahkan lagi bilangan guru2 dari Brunei untuk berlateh di-Sultan Idris Training College Tanjong Malim; dan juga di-Pusat Latehan Guru2 Melayu di-Melaka.

Pada tahun ini Keeaja'an Brunei membelanjakan wang lebeh daripada \$250,000 dalam hal ehwal Pelajaran Perchuma dan Latehan Penuntut2 Brunei di-luar negeri.

PELAJARAN PERCHUMA BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY KAPADA PENUNTUT2 BRUNEI DI-S.O.A.S. COLLEGE DAN DI-KUCHING

Dua puloh orang penuntut2 lelaki dan dua orang penuntut2 perempuan yang di-lahirkan di-Negerimini telah di-beri Hadiah Pelajaran Perchuma oleh Sharikat Minyak, the Brunei Shell Petroleum Company. Hadiah Pelajaran Perchuma telah berjalan kuat kuasa-ny mulai dari satu hari-bulan January tahun ini.

Tujuan mengadakan Pelajaran Perchuma itu, yang berharga daripada \$250 sa-tahun hingga ka-\$500 sa-tahun, dengan mengikut ke'ada'an keluargan2 penuntut yang berjaya mendapat Hadiah Pelajaran Perchuma itu, ia-lah kerana memberi pertolongan kapada penuntut2 itu meneruskan pelajaran mereka di-sa-buah Sekolah Menengah dan juga untuk memberi peluang kapada mereka ,emasoki Peperiksa'an Darjah Sembilan Inggeris. Penuntut2 itu juga ada-lah di-beri peluang lagi bagi melanjutkan pelajaran mereka sa-sudah lulus dalam.....

sudah lulus dalam peperiksaan Darjah Sembilan hingga memasuki belajar di-University ataupun di-Technical College.

Diantara 22 orang penuntut2 yang di-beri hadiah pelajaran perchuma itu, 19 orang daripada-nya sedang belajar di- Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei dan tiga orang lagi sedang belajar di-sabua sekolah Inggeris di-Kuching, Sarawak.

Sharikat minyak itu ada-lah berhak memberhentikan pelajaran perchuma kepada sebarang penuntut, sekiranya mereka mendapati bahawa penuntut2 itu tidak layak di-beri hadiah pelajaran perchuma. Pemberian Pelajaran itu akan di-kaji pada tiap2 tahun oleh Sharikat Minyak tersebut.

Sharikat itu berharap bahawa semoga penuntut2 yang berjaya itu akan dapat melawat ka-Kilang2 Minyak di-Seria pada dalam masa penggal persekolahan sekarang ini, supaya dapat-lah mereka itu di-bawa menyaksikan perjalanan2 Sharikat Minyak itu serta juga dapat-lah peluang kepada Pegawai2 Sharikat Minyak itu mengenal penuntut2 yang di-ma'lumkan.

Harus-lah, rombongan dari penuntut2 dari Sultan Omar Ali Saifuddin College itu akan di-beri peluang pergi ka-Seria dengan kapal terbang kepunya'an Sharikat Minyak itu. Bagaimanapun sekiranya rancangan tidak-lah dapat di-jalankan, maka Sharikat Minyak itu akan menyediakan ke'inderaan pula.

Penuntut yang berjaya itu ada-lah seperti berikut:

Sultan Omar Ali Saifuddin College - \$500 sa-tahun, Awang Sani Pengeran Ahmad, berumur 18 tahun; Abdullah Ghafar, berumur 19 tahun; Abdul Razah bin Bungsu, berumur 17 tahun; Chong Kow Tze, berumur 17 tahun; Abidin bin Abdul Rashid, berumur 17 tahun; Abdul Aziz bin Latiff and Yahya bin Mohamed Yusof, berumur 19 tahun.

Sultan Omar Ali Saifuddin College - \$300 sa-tahun, Ibrahim bin Mohamed, berumur 17 tahun; Zahara bintee Idris, berumur 19 tahun; Hussain bin Daud, berumur 17 tahun; Kassim bin Daud, berumur 19 tahun; Mohamed Taib, berumur 16 tahun; Mohammed Ja'fa bin Nordin, berumur 18 tahun; Aziz bin Umar, berumur 21 tahun; Abdul Rahman bin Kamar, berumur 19 tahun; dan Jusnani bintee Lawie, berumur 17 tahun.

Sultan Omar Ali Saifuddin College - 250 sa-tahun, Hassan bin Mohamed Yusof, berumur 19 tahun.

Tiga orang penuntut2 yang di-lahirkan di-Brunei yang pada masa ini belajar di-Kuching dan di-beri pelajaran perchuma oleh Sharikat Minyak tersebut ia-lah:

\$500 sa-tahun - Joseph Lim, berumur 19 tahun; \$400 sa-tahun - Leo Khoo Ze Fung, berumur 22 tahun; Dan Boniface Khoo, berumur 17 tahun.

KENYATA'AN KHAS KEPADA PERAHU2 PENANGKAP IKAN

Kapal2 m/v Jeladan dan m/l Geroda akan menjalankan pekerjaan menyukat dalam Kuala Telok Brunei pada siang hari selama lebih kurang tiga bulan mulai daripada pertengahan bulan ini.

Segala perahu penangkap ikan dan sebagainya adalah dima'lumkan supaya mereka menjauhi sakurangnya dua batu jauh dari kapal Jeladan, kerana kapal itu akan menggunakan bedil2 yang marabahaya. Pada siang hari, kapal Jeladan itu akan memberi dan menunjukkan satu tanda "L.H." (yang bermakna "Lalu dihadapan kami"); manakala kapal Geroda pula akan mengibarkan bendera merah kerana memberi alamat "H.D." ("Jauhkan diri daripada kami"). Pada sebelah malam pula, satu lampu warna merah akan digunakan oleh kedua2 kapal itu sebagai satu tambahan kepada lampu biasa yang digunakan oleh mereka.